



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

TEKAD KDN: KECEKAPAN KAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN AL-QURAN MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

1. PUTRAJAYA, 29 Oktober 2025 - Kementerian Dalam Negeri (KDN) komited menjalankan tanggungjawab bagi memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin termasuklah hal ehwal pemeliharaan kemuliaan dan kesucian Al-Quran sebagaimana peruntukan Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 [Akta 326].
2. Umumnya, pemeliharaan kemuliaan dan kesucian Al-Quran bertujuan untuk melindunginya agar tidak dicemari, diperalatkan atau diubah suai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan menyeragamkan bacaan serta menghormati kedudukannya sebagai panduan hidup umat Islam.
3. Hal ehwal terkait dengan Al-Quran seperti pencetakan dan penerbitannya merupakan sesuatu perkara yang sensitif kepada umat Islam yang harus dikawal dengan cermatnya demi memastikan kehormatan Islam sentiasa terjamin, seterusnya menyumbang kepada kesinambungan kepentingan awam dan keselamatan negara.
4. Sebagaimana peruntukan Akta 326, Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri yang terdiri daripada 15 orang anggota dengan 13 orang mewakili 13 negeri di Malaysia, seorang wakil Wilayah-wilayah Persekutuan dan seorang Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melaksanakan tanggungjawab sebagai badan utama yang mengawal pencetakan, penerbitan, pengimportan dan pengedaran bahan/ teks Al-Quran di Malaysia.
5. Pada hari ini, KDN telah menganjurkan Multaqa MADANI Kementerian Dalam Negeri Bersama dengan Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran dan Lajnah Bawahnya sebagai tanda penghargaan khidmat bakti LPPPQ dan medan pelancaran inisiatif-inisiatif serta kejayaan berhubung dengan usaha pemeliharaan kemuliaan Al-Quran seperti yang berikut:
 - 5.1. Sehingga kini, sebanyak 1036 Pruf Akhir Teks Al-Quran telah diperakukan betul oleh LPPPQ untuk dicetak dan berada dalam komuniti di negara ini.

- 5.2. Sumbangan Al-Quran daripada pelbagai pihak kepada Kementerian Dalam Negeri bagi menjayakan Program Jom *Exchange* Al-Qur'an (JEQ).
- 5.3. Penyampaian penghargaan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang memberikan kuasa kepada Penguat kuasa Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri (PK KDN) bagi menjalankan penguatkuasaan berkaitan dengan Al-Quran di negeri-negeri berkenaan.
- 5.4. Peluncuran Akaun Amanah Kemajuan Pembangunan dan Pemuliaan Al-Quran, PK KDN serta penyerahan Projek Hibah JEQ. Akaun amanah ini bakal menjadi wadah bagi pengumpulan dana khas daripada pelbagai pihak untuk usaha-usaha berkaitan dengan pemartabatan kesucian Al-Quran.
- 5.5. Pelancaran inisiatif Modul Profesionalisme Panel Semakan Al-Quran (ProQuran) hasil gabungan kepakaran dan penerokaan cabang-cabang perundangan oleh PK KDN dan Lajnah Tashih Al-Quran yang diperakukan oleh LPPPQ. ProQuran ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti perunding Al-Quran yang dilantik oleh industri pencetakan/penerbitan Al-Quran.
- 5.6. Pelancaran inisiatif berasaskan teknologi AI iaitu Sistem Semakan Al-Quran Pintar (*Intelligence Tashih Al-Quran – iTAQ*). Inisiatif ini bertujuan untuk menjadikan proses pencetakan/penerbitan Al-Quran yang tepat dan pantas seiring dengan proses semakan Al-Quran menggunakan iTAQ.
- 5.7. Pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Records* kepada KDN melalui PK KDN atas kejayaan penciptaan rekod *The Largest Al-Quran Exchange* dengan jumlah 70 000 buah naskhah Al-Quran tiada perakuan KDN telah ditukar ganti dengan Al-Quran baharu yang mempunyai perakuan KDN sehingga kini.
6. Atas kejayaan kawalan pencetakan/penerbitan Al-Quran dan inisiatif-inisiatif baharu yang dilancarkan ini, KDN bertekad untuk memberikan komitmen yang berterusan dalam penjagaan kemuliaan dan kesucian Al-Quran di Malaysia khususnya bagi mencegah elemen cemar, ubah suai, dan salah guna (ekstremis) yang berpotensi untuk mengganggu gugat keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
7. Maklumat lanjut berkaitan dengan panduan kawalan dan pelesenan pencetakan/penerbitan teks Al-Quran boleh diakses menerusi portal rasmi KDN iaitu www.moha.gov.my.

8. Masyarakat umum juga dialu-alukan untuk bersama-sama menjaga kemuliaan dan kesucian Al-Quran melalui penyaluran maklumat/aduan mengenai kesalahan-kesalahan yang disyaki dilakukan bawah Akta 326 kepada PK KDN menerusi talian 03-88893145 atau e-mel kepada: aduanpk@moha.gov.my.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
29 Oktober 2025

- TAMAT -

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my || pro@moha.gov.my || 03-8880 0806/ 0807/ 0812